

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Kajian ini direkabentuk untuk menilai konsep kendiri murid-murid bermasalah pembelajaran dalam kelas inklusif. Bab ini akan menerangkan metodologi kajian yang meliputi latar belakang tempat kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan tatacara kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang merujuk kepada perkara yang sedang berlaku. Pengkaji ingin melihat faktor-faktor yang mempengaruhi konsep kendiri murid-murid bermasalah pembelajaran dalam kelas inklusif. Kaedah tinjauan ini, melibatkan pengumpulan data-data, menjadualkan data-data, membuat interpretasi, membuat perbandingan dan merumus generalisasi berdasarkan instrumen kajian iaitu soalan untuk guru dan temubual berstruktur. Instrumen kajian yang digunakan untuk membuat interpretasi faktor-faktor yang mempengaruhi konsep kendiri ialah Skala Konsep Kendiri Tennessee (Tennessee Self - Concept Scale).

3.2 Tempat Kajian

Sebuah sekolah menengah di daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Walaupun pada dasarnya penubuhan sekolah ini memberi tumpuan pendidikan kepada murid-murid yang sempurna anggota badan dan tidak menghadapi masalah dalam pelajar, namun keperluan golongan murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran. Pada tahun 1994 dan 1995 terdapat dua buah kelas untuk murid-murid bermasalah pembelajaran yang lebih dikenali dengan Kelas Khas. Bilangan Kelas Khas telah bertambah kepada tiga buah pada tahun 1996 dan 1997. Manakala pada tahun 1998 dan 1999, bilangan kelas khas telah bertambah menjadi empat buah. Jumlah murid pada tahun 1998 ialah seramai 22 iaitu lapan perempuan dan empat belas lelaki yang berusia di antara empat belas tahun hingga sembilan belas tahun. Pada awal tahun 1998 seramai tiga orang murid-murid Kelas Khas telah dicadangkan untuk menyertai kelas biasa di bawah program inklusif anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia.

Setelah semua pihak yang terlibat bersetuju dengan cadangan tersebut maka murid-murid ini dimasukkan ke dalam tingkatan dua. Pemilihan murid-murid ke kelas biasa adalah berdasarkan kebolehan akademik (boleh membaca, menulis dan mengira), kebenaran ibu bapa, kebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, boleh berdikari dan tidak mendatangkan masalah kepada guru-guru.

3.3 Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada tiga orang murid yang bermasalah pembelajaran dan telah menyertai kelas biasa di bawah Program Pendidikan Inklusif. Ketiga-tiga murid tersebut sedang belajar di tingkatan tiga di salah sebuah sekolah menengah di daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah dua set soal selidik dan satu senarai soalan untuk temubual. Oleh itu, instrumen yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian.

Bahagian A

Soal selidik latar belakang (seperti lampiran).

Bahagian B

Soal selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee (Tennessee Self-Concept Scale) yang telah dibentuk oleh Fitts (1965) digunakan untuk menilai konsep kendiri sampel kajian (seperti dalam lampiran). Soal selidik ini pada asalnya mengandungi 90 soalan / item. Chiam (1976) telah menterjemahkan soal selidik ini dalam Bahasa Melayu dan item-item soal selidik mengubahsuai menjadi 50 item iaitu 26 item positif dan 24 item negatif.

Item-item positif merujuk kepada pernyataan yang membawa persepsi atau tanggapan yang baik terhadap diri sendiri. Manakala item-item negatif merujuk kepada pernyataan yang memberi persepsi atau tanggapan yang kurang baik terhadap diri sendiri. Item-item di dalam soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa dimensi iaitu kendiri keluarga, kendiri peribadi, kendirir fizikal, kendiri sosial dan kendiri moral-etika. Setiap dimensi mengandungi sepuluh item. Taburan item bagi setiap dimensi sama ada positif atau negetif adalah seperti berikut :

Jadual 1 : Senarai Kenyataan Mengikut Dimensi

Dimensi	Nombor	Soalan
	Positif	Negatif
Kendiri Keluarga	7,8,18,31,44	20,21,33,45,46
Kendiri Peribadi	11,16,19,29,42	3,23,30,43,50
Kendiri fizikal	1,2,13,24,25,36	14,26,37,38
Kendiri Sosial	5,6,10,32,35,	9,22,34,47,48
Kendiri Moral-Etika	4,15,27,39,49	12,17,28,40,41

Setiap item dijawab berpandukan skala likert iaitu benar sama sekali (TBBSS), tidak benar (TB), ada benar ada tidak (ABAT), benar (B) dan sangat benar (SB). Setiap item akan diberi nilai 1 hingga 5. Nilai bagi setiap item positif dan negatif adalah seperti berikut :

Jadual 2 : Pemberian Skor Bagi Item Positif dan Item Negatif

Respon	Skor	
	Item Positif	Item Negatif
Tidak Benar Sama Sekali	1	5
Tidak Benar	2	4
Ada Benar Ada Tidak	3	3
Benar	4	2
Sangat Benar	5	1

Item-item dalam soal selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee (Tennessee Self - Concept Scale) yang telah diterjemahkan oleh Chiam (1976) menunjukkan kebolehpercayaan pada aras 0.8 hingga 0.9, manakala keesahan pada aras 0.63 hingga 0.85 (Mohd Radzi, 1991).

Menurut Pang (1997), nilai skor keseluruhan ialah 250. Subjek yang memperolehi nilai skor yang melebihi 195 adalah dianggap mempunyai konsep kendiri yang tinggi (positif). Manakala bagi subjek yang memperolehi nilai skor di antara 140 hingga 195 dianggap mempunyai konsep kendiri yang sederhana. Bagi subjek yang memperolehi nilai skor yang kurang daripada 140 adalah dianggap sebagai mempunyai konsep kendiri yang rendah (negatif).

Bahagian C

Soal selidik untuk guru. Soal selidik ini mengandungi 30 pernyataan yang diubahsuai daripada Ujian Personeliti yang diterjemahkan oleh Mohd Sidek

dalam Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah (1993), (seperti dalam lampiran). Penekanan yang diberikan terhadap soal selidik untuk guru ialah pandangan guru mengenai diri murid yang terlibat dalam kajian ini. Aspek yang diberikan keutamaan ialah aspek ekstrovert, introvert, ketahanan, kritik diri, mengawal dan sokongan. Taburan pernyataan dalam soal selidik untuk guru mengikut aspek-aspek tersebut adalah seperti berikut :

Jadual 3 : Taburan Pernyataan Mengikut Aspek

Aspek	Taburan Pernyataan
Ekstrovert	1,2,3,4,5
Introvert	6,7,8,9,10
Ketahanan	11,12,13,14,15
Kritik Diri	16,17,18,19,20
Mengawal	21,22,23,24,25
Sokongan	25,26,27,28,29,30

Setiap pernyataan yang dijawab berpandukan nilai skor 1 hingga 5. Nilai skor yang terendah ialah 1 dan nilai skor yang tertinggi ialah 5. Jumlah skor yang tertinggi bagi soal selidik untuk guru ialah 150. Bagi subjek yang memperolehi jumlah skor keseluruhan lebih daripada 75, bermakna ia mempunyai konsep

kendiri yang positif (tinggi), manakala subjek yang mendapat kurang daripada 75 bermakna ia mempunyai konsep kendiri yang negatif (terendah).

Bahagian D

Bahagian ini ialah bahagian temubual bersama murid. Terdapat 10 soalan yang disediakan untuk sesi temubual bersama murid (seperti dalam lampiran)

Kesemua soalan untuk sesi temubual bersama murid ini diubahsuai daripada Pudlas (1996). Pudlas menggunakan soalan-soalan tersebut untuk melihat konsep kendiri dan penghargaan kendiri murid-murid bisu yang menyertai kelas pendidikan inklusif.

3.5 Prosedur Kajian

Langkah-langkah yang diambil untuk menjalankan kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Kajian dijalankan di sebuah sekolah menengah daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Oleh itu, pengkaji mendapatkan kebenaran Pengetua untuk menjalankan kajian ke atas murid yang telah dikenalpasti.
- ii. Pengkaji juga telah memohon kerjasama daripada guru di tempat kajian bagi menjalankan kajian tersebut.
- iii. Pengkaji memberi penerangan kepada guru-guru yang memberi kerjasama tentang tujuan kajian dan cara-cara kajian ini dijalankan.

3.6 Analisis Data

Penganalisaan data bagi kajian ini akan menggunakan kaedah penganalisaan statistik deskriptif.